

DATE: 25/10/2008

UTUSAN MALAYSIA

Jadikan perang satu jenayah – Dr. M

KUALA LUMPUR, 24 Okt. – Jadikan perang satu jenayah dan ia akan mengurangkan peperangan serta keperluan untuk pertahanan, kata Pengasas dan Pengerusi Yayasan Jenayah Perang Kuala Lumpur, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, perang boleh menjadi seseorang manusia biasa bersifat haiwan dan keganasan yang dilakukan adalah di luar imiginasi manusia biasa.

“Ia dilakukan oleh manusia biasa yang dilatih kerajaan bertamadun untuk membunuh. Mungkin ada kes perang untuk mempertahankan diri. Tetapi jika kita menjadikan perang satu jenayah, kejadian perang akan berkurangan dan keperluan untuk pertahanan juga kurang,” katanya pada majlis Jamuan Makan Malam Amal Diraja dan pelancaran Yayasan Mengiktiraf Perang Sebagai Jenayah di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Yayasan itu dilancarkan oleh Yang di-Per-tuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Turut hadir Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah dan Menteri Luar, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Melahirkan rasa sedihnya apabila melihat wanita dan kanak-kanak yang tidak

berdosa menjadi mangsa perang, Dr. Mahathir berkata, masyarakat perlu faham keburukan perang dan sepatutnya memikirkan nasib mangsa perang yang masih muda.

“Setiap manusia menganggap pembunuhan sebagai satu jenayah serius yang membolehkan hukuman berat dikenakan. Bagaimana kita membenarkannya dengan menghalalkan pembunuhan dalam jumlah yang ramai, ratusan ribu orang serta kemusnahan teruk sesebuah bandar,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Jamuan Malam Amal Diraja Yayasan Mengiktiraf Perang Sebagai Jenayah, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dalam ucapannya berkata, majlis makan malam itu adalah untuk mengutip derma bagi menjayakan program sukarela Yayasan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta mendapatkan premis yang sesuai untuk dijadikan ibu pejabat yayasan.

“Sokongan anda semua akan memberikan sumbangan besar kepada kerja sukarela yayasan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan orang ramai bahawa perang yang menjadi instrumen dasar asing adalah satu jenayah, jenayah terhadap kemanusiaan, terhadap keamanan dan kehidupan



TUANKU Mizan Zainal Abidin melancarkan Yayasan Mengiktiraf Perang Sebagai Jenayah sambil diperhatikan oleh Dr. Mahathir Mohamad pada majlis Jamuan Makan Malam Amal Diraja di PWTC, Kuala Lumpur, malam tadi.

manusia keseluruhannya,” katanya.

Yayasan itu ditubuh tahun lepas untuk memberi bantuan dan sumbangan kepada mangsa perang serta meningkatkan pendi-

dikan untuk individu dan komuniti yang terjejas akibat peperangan atau konflik senjata.

– Bernama